

27/03/2001

Pas menyusuri jalan gelap

Cucu Cicit Taleban

SEWAKTU di universiti dulu, saya amat yakin Pas adalah wadah terbaik untuk saya membabitkan diri dalam politik. Ketika itu, saya berasakan Pas sudah bersedia untuk mentadbir negara.

Pemimpin Pas lebih terserlah dalam pengetahuan agama yang akan menjadi benteng pentadbiran negara. Sudah tentu negara di bawah pimpinan Pas lebih mendatangkan kebaikan kepada rakyat berbilang kaum di negara ini.

Namun, setelah keluar dari universiti dan berpeluang memberi tenaga sepenuhnya kepada Pas, saya rasa ada yang tidak kena. Lebih-lebih lagi setelah mendekati beberapa pimpinan di peringkat negeri dan pusat.

Penghormatan saya kepada pimpinan Pas ketika di universiti dulu mulai goyah apabila melihat secara dekat akhlak mereka. Banyak yang tersasar sebagai pemimpin Islam.

Ini termasuk kelonggaran dalam beribadat, tabiat merokok secara terbuka, pandangan ringan terhadap aurat (bagi muslimat) serta percakapan atau gurauan yang melanggar akhlak Islam.

Bagaimanapun, saya memaksa diri untuk menerima hakikat ini kerana lebih pentingkan parti Pas, bukan individu kepimpinan dalam Pas.

Saya cuba memajukan Pas di tempat saya, sama ada di peringkat Pemuda atau kawasan. Nampaknya, pentadbiran Pas dan juga ukhwah sesama ahli Pas tidaklah sebaik yang saya sangkakan.

Betapa dalam Pas masih ramai pemimpin peringkat kawasan, cawangan dan ahli-ahlinya yang memiliki hati tidak bersih. Akhirnya, wujud berbagai masalah dalaman parti yang berpunca daripada hasad dengki, gila jawatan serta fitnah-memfitnah.

Saya cuba mencari di manakah kesilapan sebenar. Belum pun saya mendapat jawapan, tercetus pula satu keputusan Pas Pusat yang semakin mengusutkan fikiran. Pas telah membuat keputusan untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim jika Barisan Alternatif memenangi pilihan raya umum lalu.

Saya cuba mendapatkan pandangan seorang dua pemimpin Pas Pusat dalam hal ini. Alasan mereka ini hanyalah helah politik untuk menawan hati penyokong Anwar dan juga parti-parti bukan Islam dalam pakatan pembangkang.

Pas seperti ingin memberitahu ahlinya dalam kepemimpinannya yang ada, belum ada seorang pun yang layak untuk memegang jawatan Perdana Menteri. Atau Pas ingin memberitahu secara tidak langsung kepada rakyat bahawa Pas belum bersedia menjalankan pemerintahan Islam walaupun diberi mandat oleh rakyat.

Pas sanggup menggadaikan dasarnya semata-mata untuk membela nasib bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Demikian juga dalam isu negeri Kelantan dan Terengganu. Saya sungguh kagum dengan suasana di Kelantan setelah membaca sebuah buku bertajuk 'Kelantan: Sesejuk Wajah Tuan Guru' yang ditulis oleh CN Afghani.

Tetapi, kekaguman itu tidak lama apabila saya membaca pula sebuah buku bertajuk 'Tiga Abdul' yang ditulis oleh Sayuti Omar. Saya tidaklah terpengaruh dengan buku-buku itu.

Apa yang mengecewakan, tuduhan-tuduhan ke atas pimpinan Pas Kelantan langsung tiada maklum balas daripada pihak Pas. Saya masih tertanya-tanya hingga sekarang.

Kalau tuduhan dalam buku 'Tiga Abdul' itu betul, kenapa pimpinan Pas berdiam diri? Jika tuduhan itu tidak betul, kenapa juga pimpinan Pas Kelantan tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap penulis dan penerbit

buku berkenaan?

Terengganu yang baru setahun di bawah pemerintahan Pas, juga tidak terlepas daripada desas-desus.

Belumpun fikiran tentang memikirkan kerenah kepemimpinan Pas ini, saya dikejutkan pula dengan isu penarikan pingat ke atas dua Exco Kelantan. Pas Pusat turut terseret yang akhirnya membawa desakan agar perlembagaan negeri Kelantan segera digubal semula.

Sama ada ia akan dipinda atas isu ini atau atas arahan Pas Pusat beberapa lama dulu, ia tetap menunjukkan tidak bijaknya keputusan Pas negeri atau Pusat. Apa juga alasan, pindaan dalam tempoh terdekat ini, tetap menampakkan ia berpunca daripada isu yang timbul.

Walhal isu ini bukanlah atas kepentingan rakyat umum, sebaliknya mempertahankan maruah kepemimpinan Pas yang berasa tercabar.

Ketika isu krisis kerajaan Kelantan dengan pihak istana masih panas, Pas mengambil pula risiko dalam isu perpaduan Melayu. Pas semacam tidak mengerti apa yang sedang berlaku dan apa yang sedang diperjuangkan.

Kalau ia mengerti, bererti tindakan kepemimpinan Pas dalam menangani isu ini, jelas tersimpang jauh dari dasar perjuangan yang berteraskan akidah Islamiah dan bercita-cita untuk mendaulatkan negara ini sebagai sebuah negara Islam.

Kepemimpinan Pas seharusnya sedar isu ini adalah isu yang amat besar yang membabitkan masa depan parti, agama, bangsa dan negara. Rakyat menunggu untuk melihat sejauh mana bijaknya kepemimpinan Pas yang berlabelkan Islam.

Apabila Umno bersuara untuk mengajak Pas berbincang, seharusnya Pas bersedia untuk meletakkan pendirian sebenar. Keputusan pucuk pimpinan Pas mesti sekata. Siapa juga dari pimpinan yang membuat kenyataan kepada media, mesti kenyataan yang sama berdasarkan keputusan parti.

Sebaliknya, banyak berlaku percanggahan pandangan di kalangan pemimpin Pas. Saya berasa amat malu apabila ada pandangan yang menganggap Parti Keadilan Nasional (Keadilan) lebih tegas dalam hal ini. Dari awal lagi mereka menolak pelawaan Umno.

Sepatutnya Pas perlu membuat keputusan awal sebelum pertemuan jawatankuasa teknikal. Syarat-syarat yang dikemukakan oleh Pas itu, haruslah syarat di peringkat awal. Jika Umno tidak mahu menunaikan syarat berkenaan, pertemuan di peringkat jawatankuasa teknikal pun jangan diadakan.

Demikian juga saya amat malu dengan syarat-syarat yang dikemukakan. Ia menampakkan Pas tidak dapat membezakan di antara Umno dan kerajaan. Memang tidak dinafikan Umno adalah tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN), tetapi adalah mustahil untuk mereka mencampuri dasar atau keputusan kerajaan tanpa merujuk kepada parti lain dalam BN.

Cuba bayangkan, andainya Pas Terengganu atau Kelantan ingin berbincang dengan Umno negeri itu dalam sesuatu perkara penting untuk rakyat, tiba-tiba Umno meletakkan syarat supaya Pas menggugurkan cadangan melaksanakan hudud terlebih dahulu. Apakah Pas mampu melakukannya dengan mengetepikan keputusan kerajaan negeri dan bagaimana pula pandangan Pas terhadap Umno ketika itu?

Meneliti syarat yang dikemukakan itu, Pas sebenarnya menyerlahkan kelemahan kepemimpinannya. Apakah sudah memadai dengan dasar perjuangan sekadar menuntut perkataan Islam, Harakah dan royalti minyak saja?

Dalam tuntutan royalti dan bilangan keluaran Harakah, adakah ia untuk kepentingan rakyat? Kepada saya, tuntutan ini bukan menguntungkan Islam secara hakiki. Ia lebih kepada kepentingan politik.

Akhir-akhir ini, Pas kurang sekali menyentuh mengenai negara Islam dan isu murtad, kenapa? Apakah halangan yang membuatkan Pas seolah-olah tidak berminat lagi menyentuh isu murtad?

Ada pula pemimpin Pas yang tidak mahu berbincang dengan Umno kerana mengibaratkan Umno seperti pencuri. Sebaliknya, orang ini lupa dia juga sebenarnya sedang duduk bersama `pencuri' dalam Parlimen.

Sewajarnya, selaku seorang pemimpin tertinggi dan Ahli Parlimen, beliau harus bijak mengeluarkan kata-kata. Kerana seorang ahli politik Islam seharusnya berhati-hati dalam setiap ucapan kerana dari ucapan itulah, masyarakat akan menilai kematangan dan kewibawaannya.

Inilah antara kelebihan di sebalik pertemuan dan perbincangan walaupun dengan pencuri. Lagipun, Tuan Guru Nik Aziz berkata pertemuan itu adalah satu ibadat. Jadi, kenapa Pas menolak jalan-jalan menuju ibadat?

Persoalan yang saya timbulkan ini adalah sebahagian dari bisul-bisul yang sedang mengancam tubuh badan Pas.

Ia menampakkan betapa tidak bijak yang kadang-kadang diiringi oleh keegoan pemimpin Pas. Sikap ego itu bukan saja kepada musuh, malah kadang-kadang berlaku sesama sendiri.

Masing-masing mempunyai pendapat sendiri, seolah-olah pandangannya lebih baik dan lebih rasional sehingga membelakangkan pandangan pemimpin lebih tinggi. Mengeluarkan pandangan tidak menjadi kesalahan, namun pandangan dalam sesuatu isu yang kontroversi, hendaklah berhati-hati.

Lebih-lebih lagi, isu yang sudah dikomen terlebih awal. Umpamanya isu berkaitan Putrajaya. Seluruh rakyat tahu Datuk Fadzil Noor menghentam Perdana Menteri dalam isu ini.

Kononnya, projek ini membazir dan tidak menguntungkan rakyat hinggakan beliau bercadang untuk melelong saja Putrajaya jika Pas diberi mandat oleh rakyat dalam pilihan raya lalu.

Tiba-tiba, baru-baru ini Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abd Rahman, selaku Bendahari Pas Pusat, memuji projek itu. Perdana Menteri digambarkan sebagai seorang pemimpin negara yang berpandangan jauh dengan terlaksananya projek Putrajaya.

Jadi, bagaimana rakyat hendak menilai semua ini terhadap kepemimpinan Pas. Salahkah kalau ada rakyat yang terpaksa pusing belakang dari mengikuti haluan Pas yang mula terumbang-ambing.

Kalau sudah ada pemimpin tertinggi Pas memuji kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk apa lagi Pas mengajak orang ramai menentang kepemimpinan beliau.

Sebab itu, saya tertanya-tanya ke arah manakah kepemimpinan Pas hendak membawa negara ini jika mereka diberi mandat kelak. Akan lebih amankah Malaysia, akan lebih teluskah kepemimpinan negara? Apakah keharmonian kaum yang ada hari ini boleh berterusan?

Terbayang pada saya, apakah pertanyaan ini hanya berputar di kepala saya seorang atau fikiran majoriti rakyat. Kalau ia turut menjadi pertanyaan orang lain, maka sudah tentu Pas akan melalui jalan-jalan gelap menjelang pilihan raya 2004 kelak.

Bagi saya, sementara menunggu kedatangan 2004 yang masih jauh, eloklah rasanya buat sementara ini saya mengucapkan `sayonara' buat Pas. Saya tidak mahu lagi membuang masa berjuang bersama Pas kerana perjuangan ini tidak lagi bermakna untuk Islam, sebaliknya lebih kepada perebutan mengaut kemewahan oleh kepemimpinan Pas saja.

Isu perpaduan Melayu adalah peluang terbaik untuk kita menilai siapa benar, siapa salah. Juga dapat kita fikirkan bagaimana sesetengah pihak meletakkan Islam untuk kepentingan tertentu dan bukannya untuk kepentingan umat serta negara.